

## ANDREW CHARLES GOMEZ

a

lwn.

## HARPAL SINGH GREWAL &amp; YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR  
ABDUL HAMID MOHAMAD HMR  
[SIVIL NO: D8-22-2934-99]  
8 OGOS 2002

b

**PROSEDUR SIVIL:** Rayuan - Notis rayuan - Penyerahan - Sama ada perlu diserahkan dua hari genap sebelum tarikh pendengaran - 'Tarikh pendengaran' - Samada bermaksud tarikh pendengaran pertama yang ditetapkan - Sama ada meliputi tarikh pendengaran yang ditangguhkan - Sama ada bermakna tarikh pendengaran sebenar - Kegagalan menyerah notis rayuan dua hari genap sebelum tarikh pendengaran pertama - Sama ada memprejudis responden - Sama ada rayuan harus ditolak - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 18 k. 19(1)(a), A. 56 k. 1(3)

c

d

Plaintif telah merayu terhadap suatu keputusan penolong kanan pendaftar ('PKP') yang dibuat pada 17 Januari 2000 dan telah memfail notis-notis rayuan bagi tujuan tersebut. Walaupun rayuan ditujukan kepada keputusan PKP bertarikh 17 Januari 2000, namun notis rayuan plaintif menyatakan bahawa rayuan adalah terhadap keputusan PKP yang dibuat pada 5 Januari 2000. Fakta juga menunjukkan bahawa plaintif telah gagal menyerahkan notis-notis rayuan sebelum tarikh pendengaran pertama pada 24 Februari 2000, dan hanya membuat serahan pada tarikh pendengaran yang ditangguhkan pada 25 Mei 2000. Tidak dinafikan bahawa 'kelewatan' menyerahkan notis-notis rayuan tersebut telah menyebabkan defendan-defendan keempat dan kelima gagal memfail affidavit jawapan terhadap permohonan injunksi yang dibuat oleh plaintif sebelumnya, kerana menyangka bahawa mereka bukan lagi menjadi pihak dalam prosiding itu. Dalam halkeadaan sedemikian, di pendengaran rayuan plaintif pada 1 Jun 2000, defendan-defendan keempat dan kelima telah membangkit bantahan awal bahawa rayuan plaintif harus ditolak atas alasan bahawa notis-notis rayuan telah tidak diserahkan dalam tempoh dua hari genap sebelum tarikh pendengaran rayuan pada 24 Februari 2000, dan dengan itu telah melanggar peruntukan A. 56 k. 1(3) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Plaintif berhujah bahawa rayuan adalah teratur kerana dua hari genap bermakna dua hari genap sebelum tarikh perbicaraan sebenar, iaitu 1 Jun 2000, dan bukannya tarikh-tarikh pendengaran yang ditetapkan sebelum itu. Persoalan penting yang timbul ialah sama ada penyerahan notis rayuan di sini gagal mematuhi kehendak A. 56 k. 1(3) KMT, yang berakibat rayuan plaintif harus ditolak oleh mahkamah.

e

f

g

h

i

**a Diputuskan:**

- b** [1] Tidak ada rayuan yang berbangkit di hadapan mahkamah. Ini kerana keputusan PKP yang hendak dirayu dibuat pada 17 Januari 2000 tetapi notis-notis rayuan menyatakan bahawa plaintif merayu terhadap keputusan PKP yang dibuat pada 5 Januari 2000. Atas alasan ini sahaja rayuan-rayuan disini boleh dibatalkan. (ms 473 f-g)
- c** [2] Berdasarkan peruntukan A. 56 k. 1 KMT, notis rayuan mesti dikeluarkan dalam masa lima hari selepas keputusan diberi dan hendaklah diserahkan tidak kurang daripada dua hari genap sebelum tarikh yang ditetapkan untuk pendengaran. Selain itu, notis rayuan perlu mengikut Borang 114 di mana borang tersebut mengkehendaki responden supaya hadir di hadapan hakim dalam kamar pada tarikh yang tersebut didalamnya. Dari peruntukan dan borang berkenaan, adalah jelas bahawa dua hari genap tersebut adalah dua hari genap sebelum tarikh responden dikehendaki hadir seperti yang ditetapkan dalam notis rayuan itu, iaitu pada 24 Februari 2000, bukan pada
- d** tarikh-tarikh penagguhan selepas itu. (ms 474 b-c)
- e** [3] Adalah nyata bahawa penyerahan notis-notis rayuan di sini tidak mematuhi kehendak A. 56 k. 1(3) KMT. Adalah juga jelas bahawa kegagalan menyerahkan notis-notis rayuan mengikut kehendak Aturan berkenaan telah memprejudis defendan-defendan keempat dan kelima. (ms 474 f-g)

*[Bantahan awal dibenarkan; rayuan ditolak.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**

- f** *Ooi Chew Seng v. Ultratech Sdn Bhd & Ors* [1997] 5 CLJ 421 (**diikuti**)  
*Perbadanan Nasional Insurance Sdn Bhd v. Pua Lai Ong* [1996] 3 CLJ 321 (**diikuti**)  
*Public Feedmill (M) Sdn Bhd (in liquidation) v. Hai Yue Hin* [1994] 2 CLJ 802 (**dirujuk**)

**Perundangan yang dirujuk:**

- g** Rules of the High Court 1980, O. 13(2)(b), O. 18 r. 19(1)(a), O. 32, O. 56 r. 1(3)  
*Bagi pihak plaintif - Asmet Nasruddin (En Firoz); T/n Puthucherry Firoz & Asmet*  
*Bagi pihak defendan keempat & kelima - Justin Voon; T/n Cheah Teh & Su*

*Dilaporkan oleh WA Sharif*

**h**

**i**

PENGHAKIMAN

**Abdul Hamid Mohamad HMR:**

Pada 3 November 1999 plaintiff memulakan tindakan terhadap enam defendan yang terdiri daripada orang perseorangan, firma dan syarikat. Ia berbangkit daripada cadangan untuk membeli sebidang tanah daripada Kerajaan Negeri Melaka. Plaintiff memohon berbagai-bagai perintah, yang terlalu panjang untuk diperturunkan atau pun diringkaskan, suatu perkara yang tidak perlu dilakukan memandangkan kepada persoalan yang perlu dibincangkan dalam alasan penghakiman ini.

Melalui saman dalam kamar (kandungan 24) bertarikh 16 Disember 1999 defendan keempat memohon perintah supaya writ saman dan pernyataan tuntutan itu dibatal mengikut A. 18 k. 19(1)(a), Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT 1980') atas alasan ia tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah, dan kos.

Pada 16 Disember 1999 defendan kelima juga memfail permohonan yang serupa (kandungan 30). Defendan-defendan lain juga membuat permohonan yang serupa, tetapi tidak berkenaan dalam alasan penghakiman ini. Permohonan defendan-defendan keempat dan kelima itu dibenarkan oleh penolong kanan pendaftar pada 17 Januari 2000.

Plaintiff merayu kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan-keputusan itu, kandungan 53 dan 54.

Saya mendengar rayuan-rayuan itu pada 21 Jun 2000 dan menolak keduanya. Inilah alasan-alasannya.

Pada hari rayuan-rayuan itu didengar, peguam defendan-defendan keempat dan kelima membangkitkan bantahan awal. Beliau mengatakan bahawa notis-notis rayuan (kandungan 53 dan 54) tidak diserahkan kepada defendan-defendan keempat dan kelima atau peguam mereka dalam tempoh seperti yang dikehendaki oleh A. 56 k. 1(3) KMT 1980, iaitu dua hari genap sebelum tarikh pendengaran rayuan-rayuan itu. Tarikh pendengaran pertama ialah 24 Februari 2000 manakala notis-notis itu cuma diserahkan kepada peguam perayu-perayu keempat dan kelima pada 25 Mei 2000. Beliau menghujahkan bahawa notis-notis itu hendaklah diserahkan sekurang-kurangnya dua hari genap sebelum tarikh pertama yang ditetapkan untuk pendengaran rayuan itu.

Di sini kronologi prosiding ini mengenai rayuan-rayuan ini perlu disebut. Penolong kanan pendaftar memberi keputusannya pada 17 Januari 2000. Ini jelas daripada catatan penolong kanan pendaftar itu dalam fail ini. (Tetapi notis-notis rayuan plaintiff yang difail pada 21 Januari 2000 (kandungan 53 dan 54) mengatakan:

- a* AMBIL PERHATIAN bahawa Plaintiff yang dinamakan di atas bercadang hendak merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang diberikan pada 5 haribulan Januari 2000 ... .
- Tarikh pertama yang ditetapkan untuk pendengaran rayuan itu ialah pada 24 Februari 2000.
- b* Pada 24 Februari 2000, peguam plaintiff hadir di hadapan saya. Peguam defendan-defendan keempat dan kelima tidak hadir. Peguam plaintiff memohon penangguhan dan berjanji akan memberitahu defendan-defendan keempat dan kelima mengenai tarikh baru itu. (Sebenarnya pada tarikh itu notis-notis rayuan
- c* itu masih belum diserahkan kepada defendan-defendan keempat dan kelima atau peguam mereka. Sebab itulah peguam defendan-defendan keempat dan kelima tidak hadir. Sebab itulah peguam plaintiff memohon penangguhan dan berjanji memberitahu tarikh baru kepada defendan-defendan keempat dan kelima.)
- d* (Sementara itu peguam-peguam kedua-dua belah pihak terus hadir beberapa kali di hadapan penolong kanan pendaftar dan di hadapan saya mengenai kandungan-kandungan lain.)
- Pada 20 April 2000 tarikh kedua pendengaran rayuan-rayuan itu ditetapkan, peguam plaintiff hadir di hadapan saya. Peguam defendan-defendan keempat dan kelima tidak hadir. Peguam plaintiff memaklumkan saya bahawa notis-notis rayuan masih belum diserahkan. Saya menangguhkan sekali lagi, kali ini kepada 25 Mei 2000.
- e*
- f* (Sekali lagi dalam tempoh antara 20 April 2000 hingga 25 Mei 2000 itu peguam-peguam kedua-dua belah pihak terus hadir beberapa kali di hadapan penolong kanan pendaftar kerana kandungan-kandungan lain.)
- Tiba 25 Mei 2000. Mengikut peguam defendan-defendan keempat dan kelima yang tidak disangkal oleh peguam plaintiff, semasa kedua-dua peguam-peguam plaintiff dan peguam defendan-defendan keempat dan kelima hendak masuk ke dalam kamar saya untuk pendengaran rayuan-rayuan itu (tarikh ketiga ditetapkan), masa itulah peguam plaintiff memberi notis-notis rayuan itu kepadanya. (Saya cuma mengetahui perkara ini pada 1 Jun 2000, semasa saya mendengar bantahan awal ini).
- g*
- h* Biar apa pun, pada 25 Mei 2000 itu, catatan saya menyebut “Pohon tarikh pendengaran ditetapkan” dan saya memberi tarikh 1 Jun 2000 untuk pendengaran rayuan-rayuan itu. Pada 1 Jun 2000 itulah bantahan awal ini dibangkitkan.
- i*

Dalam keadaan itu, peguam defendan-defendan keempat dan kelima menghujahkan dalam bantahan awalnya, walaupun tarikh pendengaran pertama ditetapkan pada 24 Februari 2000, notis-notis rayuan itu cuma diserahkan kepadanya pada 25 Mei 2000, iaitu lebih kurang tiga bulan kemudian, walau pun penangguhan telah diberi sebanyak dua kali. Ertinya peguam plaintif bukan sahaja gagal menyerahkannya sekurang-kurangnya dua hari genap sebelum 24 Februari 2000, tetapi juga tidak menyerahnya sebelum tarikh pendengaran kedua (20 April 2000) tetapi cuma memberikan notis-notis itu kepada peguam defendan-defendan keempat dan kedua semasa hendak masuk ke kamar saya untuk pendengaran rayuan-rayuan itu yang ditetapkan bagi kali ketiga. Disamping itu tidak ada permohonan atau perintah untuk melanjutkan tempoh penyerahan itu dipohon atau diperolehi. Keadaan itu juga memprejudiskan defendan-defendan keempat dan kelima kerana ada permohonan injunksi yang difail oleh plaintif terhadap kesemua defendan-defendan. Permohonan itu difail sebelum tindakan terhadap defendan-defendan keempat dan kelima dibatalkan. Oleh sebab semenjak 17 Januari 2000 hingga 25 Mei 2000 tiada notis rayuan diserahkan kepada mereka, mereka tidak memfail affidavit jawapan kepada permohonan injunksi itu, kerana mereka menyangka bahawa mereka bukan lagi defendan-defendan dalam prosiding itu.

Peguam plaintif menghujahkan bahawa dua hari genap itu bermakna dua hari genap sebelum tarikh pendengaran sebenar iaitu pada 1 Jun 2000, bukan tarikh-tarikh sebelumnya.

Saya membenarkan bantahan awal itu dan membatalkan rayuan-rayuan plaintif dengan kos. Inilah alasan-alasan saya.

Pertama, walau pun perkara ini tidak dibangkitkan, sebenarnya tidak ada rayuan di hadapan saya. Keputusan penolong kanan pendaftar yang hendak dirayu dibuat pada 17 Januari 2000. Tetapi, notis-notis rayuan plaintif menyatakan bahawa ia merayu terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang dibuat pada 5 Januari 2000. Maka mereka bukanlah merayu terhadap keputusan yang dibuat pada 17 Januari 2000 itu. Atas alasan ini sahaja rayuan-rayuan ini boleh dan patut dibatalkan.

Kedua, mengenai tempoh untuk menyampaikan notis-notis rayuan.

Aturan 56 k. 1 memperuntukkan:

1. (1) An appeal shall lie to a Judge in Chambers from any judgment, order or decision of the Registrar.
- (2) The appeal shall be brought by serving on every other party to the proceedings in which the judgment, order or decision was given or made a notice in Form 114 to attend before the Judge on a day specified in the notice.

- a* (3) Unless the Court otherwise orders, the notice must be issued within 5 days after the judgment, order or decision appealed against was given or made and served not less than 2 clear days before the day fixed for hearing the appeal.
- b* Perlu diambil perhatian bahawa notis rayuan itu mesti (“must be”) dikeluarkan dalam masa lima hari selepas keputusan diberi dan diserahkan tidak kurang daripada dua hari genap sebelum tarikh yang ditetapkan untuk pendengarannya (“the day fixed for hearing the appeal”). Notis rayuan itu pula adalah mengikut Borang 114 yang menghendaki pihak responden hadir di hadapan hakim dalam kamar pada tarikh yang tersebut di dalamnya. Tarikh itu diisi oleh penolong
- c* kanan pendaftar. (Dalam rayuan-rayuan ini, tarikh itu adalah 24 Februari 2000).
- Daripada peruntukan dan borang itu sendiri pun sudah cukup jelas bahawa dua hari genap itu adalah dua hari genap sebelum tarikh responden dikehendaki hadir yang ditetapkan dalam notis rayuan itu, bukan tarikh-tarikh penangguhan selepas itu.
- d* Jika otoriti diperlukan, kes *Perbadanan Nasional Insurance Sdn. Bhd. v. Pua Lai Ong* [1996] 3 CLJ 321 (MR) menyokong pendapat ini. Dalam kes itu, Mahkamah Rayuan memutuskan perkataan “must” dalam A. 32 k. 13(2)(b) bermakna “shall”. Dalam A. 56 k. 1(3) ini pun perkataan “must” digunakan.
- e* Makna yang sama perlulah diberi. Kes-kes *Ooi Chew Seng v. Ultratech Sdn. Bhd & Ors.* [1997] 5 CLJ 421 dan *Public Feedmill (M) Sdn.Bhd. (in liquidation) v. Hai Yue Hin* [1994] 2 CLJ 802 adalah dua penghakiman yang tepat mengenai persoalan ini. Kedua-duanya memutuskan bahawa dua hari genap itu mestilah dikira ke belakang daripada tarikh pendengaran yang
- f* tersebut dalam notis itu, iaitu tarikh pendengaran pertama.
- Jadi, adalah nyata bahawa penyerahan notis-notis rayuan dalam kes ini tidak mematuhi kehendak A. 56 k. 1(3) KMT 1980 itu.
- Selain daripada itu, saya bersetuju dengan hujah peguam defendan-defendan keempat dan kelima bahawa kegagalan menyerahkan notis-notis itu seperti yang
- g* dikehendakki oleh A. 56 k. 1(3) KMT 1980 telah memprejudiskan defendan-defendan keempat dan kelima. Saya tidak akan mengulanginya.
- Atas alasan-alasan ini saya membenarkan bantahan awal itu dan menolak rayuan-rayuan plaintif.
- h*
- 
- i*